

29 SEP 1998

Mahathir-Internet

MAHATHIR: SALAH GUNA INTERNET KELIRUKAN ORANG RAMAI

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata salah guna internet telah mengelirukan orang ramai.

"Saya juga mengalu-alukan internet, tetapi malangnya sejak kebelakangan ini ia telah disalahgunakan," katanya.

Bercakap semasa persidangan video sesi dialog "Virtual Commonwealth" bersempena Multimedia Asia '98 di sebuah hotel di sini, Perdana Menteri memberikan contoh bagaimana beberapa pengguna internet melaporkan bahawa akan berlaku rusuhan oleh rakyat asing di Malaysia, yang menyebabkan orang ramai membeli barangan keperluan harian dengan banyak untuk disimpan.

Sesi itu bertemakan "Pentadbiran dalam dunia Internet: Ke Arah Masyarakat Bertamadun Global, merentasi masa telah diadakan dalam suasana forum yang telus melalui internet dan RTM.

"Kami mendapat banyak khabar-khabar angin melalui internet. Ia boleh menimbulkan kekeliruan. Kita tidak tahu yang mana benar dan yang mana tidak benar," katanya.

Perdana Menteri berkata sebagai alat untuk memberi maklumat kepada orang ramai, setiap orang mesti memastikan internet digunakan dengan betul.

"Dan itu bermakna tidak mendapatkan maklumat yang salah," katanya.

Dr Mahathir yang sebelumnya melancarkan "Virtual Commonwealth", adalah seorang daripada panel dalam sesi dialog itu yang termasuk panel dari Washington, Geneva dan Brussel.

Menjawab soalan daripada pengacara sesi Tan Sri Razali Ismail, bekas presiden Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Dr Mahathir berkata beliau tidak gemar meramalkan kesan internet terhadap politik dan pemimpin.

"Saya percaya sebarang instrumen, kita boleh gunakan dua cara, iaitu untuk kebaikan atau keburukan.

"Ahli politik sudah tentu mahu khalayak yang besar, tetapi kita mahukan mereka mendengar dan bukan mengata kita. Tetapi jika anda mempunyai khalayak yang terlalu ramai dan semuanya mahu mengelurkan pendapat masing-masing, hasilnya mungkin amat mengelirukan," katanya.

Perdana Menteri berkata orang selalu silap dalam ramalan mereka, seperti dalam zaman perindustrian apabila mereka berpendapat dapat membeli pakaian dengan murah, manakala pekerja berpendapat akan kehilangan pekerja kerana penggunaan mesin.

"Buat seketika orang tidak suka perindustrian," katanya.

Dr Mahathir berkata dengan era maklumat sekarang, setiap orang berpendapat ia adalah sesuatu yang bagus.

Mereka berpendapat ia akan membawa negara-negara "dekat" antara satu sama lain dan boleh berganding bahu sesama sendiri.

"Tetapi mereka tidak berganding bahu, mereka bergaduh sesama sendiri, kerana sebelum ini mereka tiada musuh, kerana sekarang semua orang menjadi jirannya, dan mereka mempunyai lebih banyak musuh berbanding dahulu," katanya.

Perdana Menteri berkata dunia harus bertolak ansur apabila berhadapan dengan pelbagai budaya dan cara hidup.

Masalah hari ini, ialah terdapat orang yang begitu kaya sehinggakan boleh membeli apa saja dan membuatkan media mencerminkan pemikiran pemiliknya, katanya.

Dr Mahathir berkata percubaan untuk mewujudkan nilai universal kadangkala menimbulkan masalah, kerana tidak semua nilai itu dapat

diterima.

Beliau berkata nilai hari ini tidak banyak berbeza berbanding pada zaman Victoria di England yang mana pergerakan homoseksual adalah perkara biasa.

Perdana Menteri berkata beliau kehairanan membaca berita bahawa Perkhidmatan Kesihatan Kebangsaan Britain akan membekalkan pil viagra kepada "gay".

Anggota panel terdiri daripada Dr Chandra Muzaffar (presiden Pergerakan Antarabangsa bagi Keadilan Dunia), Tengku Datuk Dr Mohamed Azzman Shariffadeen (setiausaha, Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan Malaysia), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah (pengerusi eksekutif, Multimedia Development Corporation), Mark Malloch Brown (naib presiden Hal Ehwat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Kumpulan Bank Dunia)

Martin Bangemann (Pesuruhjaya Hal Ehwat Perusahaan, Maklumat Teknologi dan Telekomunikasi, Suruhanjaya Eropah), Wakil Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu berkaitan Perdagangan dan Pembangunan.

-- BERNAMA

RV AFY RI